



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

“HARAPAN BAJET 2021”

Walaupun dunia dan negara sedang berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19, harapan saya ialah semoga industri pembinaan negara ini akan terus kekal diberikan perhatian dan menjadi teras Kerajaan terhadap pemulihan ekonomi dan pertumbuhan KDNK pada tahun 2021.

Bagi maksud tersebut, kita perlu memastikan projek-projek pembinaan utama yang sedang dan akan dibina seperti Mass Rapid Transit Line 3 (MRT3), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Rel Berkelaian Tinggi (HSR) dan Pan Borneo serta beberapa projek lebuhraya berjalan lancar dan berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan positif bagi industri sektor pembinaan.

Saya juga berharap Belanjawan 2021 ini juga dapat mempertimbangkan permintaan projek-projek berkeutamaan tinggi tertentu oleh Kementerian Kerja Raya. Antaranya ialah baki bagi pakej projek Central Spine Road (CSR) dan Jalan Kota Bharu - Kuala Krai yang masih lagi belum diluluskan, iaitu laluan antara Kuala Krai ke Gua Musang dan juga jajaran menghubungkan Bentong ke Karak. Manakala di Malaysia Timur pula, antara projek berkeutamaan tinggi yang terlibat ialah laluan 'missing link' menghubungkan Kuala Baram di Miri dengan sempadan negara Brunei Darussalam di CIQ Sungai Tujuh sepanjang hampir 5km.

Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga telah memohon sekurang-kurangnya 20 projek baharu di seluruh negara, sama ada projek menaik taraf jalan sedia ada kepada laluan 4 lorong 2 hala, atau membina jalan-jalan baharu untuk menambah baik rangkaian jalan utama sedia ada. Kesemua cadangan projek ini telah diteliti dan diperhalusi di peringkat kementerian bersama Agensi-Agenis Pusat melalui parameter-parameter khusus. Ini termasuklah juga telah melalui proses konsultasi dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Selain projek-projek 'game-changer' dan projek-projek baharu yang telah disebutkan tadi, saya juga berharap supaya peruntukan yang signifikan juga dapat disediakan oleh Kerajaan untuk projek-projek kecil sebagai sebahagian pakej rangsangan ekonomi tahun 2021. Contohnya - projek senggara jalan, cerun, bangunan dan kuarters-kuarters Kerajaan. Kesan pengganda ekonomi yang diperoleh melalui projek-projek kecil sebegini akan lebih cepat dirasai dan dapat dinikmati oleh lebih ramai lapisan penggiat industri yang terlibat dalam mata rantaian sektor pembinaan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

Telefon : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | [Facebook](https://www.facebook.com/MOWorks) Kementerian Kerja Raya | [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) | [Email](mailto:Pro@kkr.gov.my)

Walaupun industri sektor pembinaan dilihat telah kembali rancak semula selepas suku ke-3 2020, namun perjalanan industri ini pastilah tidak lagi sama selepas berlaku wabak pandemik COVID-19. Ini kerana industri perlu mematuhi norma baharu yang ditetapkan Kerajaan bagi membendung dari berlaku penularan wabak yang telah mengubah sama sekali cara kebiasaan hidup manusia.

Untuk itu, saya berharap peruntukan yang signifikan dapat disediakan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk menggiatkan lagi penggunaan teknologi dalam industri pembinaan. Ini boleh diadaptasikan melalui teknologi IR4.0 seperti robotik, automosi, data raya, internet kebendaan (IOT), realiti maya (VR) dan kecerdasan buatan (AI).

Melalui Belanjawan 2021, KKR juga berharap dapat mengukuhkan lagi penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS), Building Information Modelling (BIM) dan Pre-Approved Plan (PAP) dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan dan swasta, iaitu memenuhi aspirasi yang telah digariskan dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 dan Dasar Pembinaan Kebangsaan (NCP) 2030 yang bakal dilancarkan nanti.

**DATO' SRI FADILLAH YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
31 OKTOBER 2020**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☛ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | ☎ : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  **Kementerian Kerja Raya** |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my